

Dana BNM untuk PKS:

Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar

(*Targeted Relief and Recovery Facility*, TRRF)

Objektif

Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan

Ciri-ciri Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)

Kriteria kelayakan	PKS* dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 (kecuali subsektor berkaitan dengan pelancongan) seperti: a) Perkhidmatan peribadi (cth. membaiki komputer/ barangan isi rumah, dobi, dandanan rambut, kecantikan) b) Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman c) Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial d) Seni, hiburan dan rekreasi e) Perdagangan borong dan runcit f) Perkhidmatan perniagaan (cth. aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan) Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) layak untuk memohon TRRF sehingga had agregat sebanyak RM500,000 bagi setiap PKS
Tujuan pembiayaan	• Modal kerja • 30% daripada pembiayaan yang diluluskan boleh digunakan untuk membiayai semula pembiayaan sedia ada Nota: Pembiayaan perniagaan sedia ada di bawah Dana BNM untuk PKS tidak boleh dibiayai semula
Saiz pembiayaan	• PKS: Sehingga RM500,000 ribu bagi setiap PKS • Perusahaan mikro: Sehingga RM75,000 ribu bagi setiap perusahaan mikro Nota: Had pembiayaan kolektif akan dikenakan kepada PKS yang mempunyai pemegang saham bersama yang setara atau lebih daripada 20%
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Sehingga 3.5% setahun, termasuk fi jaminan
Tempoh	Sehingga 7 tahun, termasuk tempoh moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan
Perlindungan jaminan	• PKS: 80% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) • Tidak diwajibkan kepada institusi kewangan peserta - Mikro enterpris: 90% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC)/ Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.
Tempoh tamat permohonan	Sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya.

* Pegangan saham oleh warganegara Malaysia sekurang-kurangnya sebanyak 51% dan seperti yang ditakrifkan oleh SME Corp (mengikut Garis Panduan Mengenai Definisi PKS Kebangsaan yang dikeluarkan oleh SME Corp) serta boleh diakses melalui: https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2022/Garis_Panduan_bagi_Definisi_PKS_Dikemaskini_Sept_2020_Akhir.pdf

Untuk maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

www.bnm.gov.my/covid19

BNM eLINK: bnm.my/LINK

Inisiatif:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

CGC SJPP